



HELAIAN FAKTA

**MAJLIS SIDANG MEDIA PENGUMUMAN LOGO DAN TEMA
HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM2025)
Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)
Angkasapuri, Kuala Lumpur
11 Jun 2025**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Majlis Sidang Media Pengumuman Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM2025) adalah sebagai pengenalan (kick-off sambutan HKHM2025) juga usaha menguar-uarkan logo dan tema yang telah dimuktamadkan oleh kerajaan kepada orang ramai.
- 1.2 Memorandum Jemaah Menteri mengenai Sambutan HKHM di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 9 April 2025 bersetuju dan memutuskan bahawa Logo dan Tema Sambutan HKHM2025 ialah **'Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni'**.
- 1.3 Logo yang sama tahun sebelum ini masih **kekal** digunakan sebagai logo rasmi sambutan **sehingga tahun 2027**, selaras dengan usaha membangunkan Malaysia MADANI teras perpaduan dalam kepelbagaian.

2. PENJELASAN TEMA 'MALAYSIA MADANI: RAKYAT DISANTUNI'

- 2.1. **'Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni'** adalah cerminan visi kerajaan untuk memperkukuh pembangunan negara dengan pendekatan berteraskan nilai kemanusiaan, kesejahteraan sosial, dan keadilan.

- 2.2. Konsep “Malaysia MADANI” melibatkan prinsip yang seimbang antara pembangunan material dan rohani, merangkumi aspek kemajuan ekonomi, integriti pentadbiran, dan perpaduan masyarakat.
- 2.3. Penekanan pada tema "**Rakyat Disantuni**" pula menggambarkan keutamaan kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat diberikan perhatian utama.

3. ACARA UTAMA HKHM2025

3.1. Acara utama sempena Sambutan HKHM2025 ialah seperti berikut:

(i) Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2025

Tarikh : 27 Julai 2025
Lokasi : Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor

(ii) Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2025

Tarikh : 31 Ogos 2025
Lokasi : Dataran Putrajaya.

(iii) Sambutan Hari Malaysia 2025

Tarikh : 16 September 2025
Lokasi : Pulau Pinang

3.2. Pemilihan Sambutan Hari Malaysia 2025 di Pulau Pinang adalah bertepatan dengan amalan penggiliran tahunan lokasi sambutan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dengan matlamat untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan antara semua wilayah di negara ini.

4. PROGRAM SISIPAN DAN AKTIVITI SEMPENA HKHM2025

4.1. Bagi merencanakan lagi sambutan HKHM2025, sebanyak **14 program sisipan dan aktiviti patriotik** akan disusun di seluruh negara melibatkan penganjuran di peringkat nasional sehingga akar umbi. Antaranya termasuklah:

- **Quran Hour**

Tarikh : 30 Ogos 2025
Lokasi : Masjid Tuanku Mizan, Putrajaya

- **Kira Detik Merdeka**

Tarikh : 30 Ogos 2025

- **Majlis Memperingati Negarawan**

Tarikh : Julai / Ogos 2025

- **Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2025**

Tarikh : 27 Julai 2025 - 15 Ogos 2025
Lokasi : Seluruh Negara

- **Pengisahan Kenegaraan@Kelab Malaysiaku**

Tarikh : September 2025

- **PENTARAMA Merdeka@HOHO**

Tarikh : Julai / Ogos / September 2025
Lokasi : Putrajaya, Kuala Lumpur, Perak & Melaka

- **PENTARAMA Merdeka@KLIA**

Tarikh : 10, 13 & 21 Ogos 2025
Lokasi : KLIA (Terminal 1 & 2)

- **Wayang Pacak Merdeka**

Tarikh : 30 Ogos 2025

Lokasi : Putrajaya

- **Pesta Itu Ini**

Tarikh : 19 – 21 Jun 2025

Lokasi : Kelantan

- **Pesta Itu Ini**

Tarikh : 18 – 20 Julai 2025

Lokasi : Johor

- **RIUH Merdeka**

Tarikh : 30 - 31 Ogos 2025

Lokasi : Putrajaya

4.2. Penganjuran program-program ini melibatkan kerjasama daripada pelbagai jabatan/ agensi seperti berikut:

- (i) Kementerian Komunikasi
- (ii) Kementerian Perpaduan Negara
- (iii) Jabatan Penerangan Malaysia
- (iv) Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
- (v) MyCreative Ventures
- (vi) Arkib Negara
- (vii) Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF)
- (viii) Pertubuhan Sukarelawan / NGO

5. INISIATIF 1RUMAH 1JALUR GEMILANG (1R1JG)

- 5.1. Inisiatif 1Rumah 1 Jalur Gemilang (1R1JG) telah diperkenalkan pada tahun 2024 sebagai satu usaha kerajaan, khususnya melalui Kementerian Komunikasi (KK) untuk menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia sempena Sambutan HKHM setiap tahun.
- 5.2. Pada 2024 kita telah berjaya melaksanakan '1Rumah 1Jalur Gemilang' (1R1JG) **melibatkan lima (5) kluster dengan jumlah keseluruhan 698 program** dengan pecahan seperti berikut:
- (i) Kluster Pendidikan : 38 buah sekolah **(19,260 pelajar)**
 - (ii) Kluster Pendidikan Tinggi : 1 program
 - (iii) Kluster Kesihatan : 1 program
 - (iv) Kluster Keselamatan : 2 program
 - (v) Kluster Komuniti : 656 program
- 5.3. Sempena HKHM2025, inisiatif **1Rumah 1Jalur Gemilang (1R1JG)** ini **diperhebatkan** lagi dengan **tujuh (7) kluster** kesemuanya. **Dua (2) kluster baharu** yang diperkenalkan adalah **Kluster Industri** dan **Kluster Agensi Kerajaan**.
- 5.4. **Kempen kesedaran mengenai tatacara penggunaan dan pemasangan bendera Jalur Gemilang** giat dijalankan bagi memastikan bendera dipasang dengan betul serta menepati protokol. Kempen ini akan diadakan dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara (KPN).
- 5.5. Inisiatif 1R1JG merupakan satu simbolik yang menggerakkan hati rakyat Malaysia mengingatkan diri sendiri akan tanggungjawab untuk menjaga dan memupuk semangat kebangsaan dan kesatuan dalam kepelbagaian. Ianya bukan sekadar mengibarkan bendera, tetapi merupakan satu gerakan nasional yang mencerminkan semangat cinta negara, perpaduan rakyat dan penghargaan terhadap kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh generasi terdahulu.
- 5.6. Inisiatif 1R1JG menggalakkan rakyat Malaysia mengibarkan Jalur Gemilang di tempat-tempat awam terutama di kediaman masing-masing, di samping menggelorakan semangat cintakan negara dan patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia. Rakyat Malaysia juga diminta mengibarkan Jalur Gemilang yang cukup sifatnya iaitu idak lusuh, koyak atau rosak serta dipaparkan dengan cara yang betul.

6. PORTAL MERDEKA360

- 6.1. Portal Merdeka360 (<https://www.merdeka360.my/web/>) merupakan platform rasmi yang diwujudkan oleh Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) untuk menyemarakkan sambutan HKHM. Ia berfungsi sebagai hab maklumat utama bagi orang ramai untuk mendapatkan segala informasi berkaitan Sambutan HKHM setiap tahun.
- 6.2. Merdeka360 yang merupakan salah satu inisiatif mempromosikan HKHM2025 telah diberikan suntikan baharu dengan penambahan menu '**Kalendar Acara**' yang memaparkan senarai program dan aktiviti HKHM 2025 di peringkat nasional, kementerian, negeri dan daerah. Maklumat lanjut berkenaan HKHM2025, termasuk panduan penggunaan logo rasmi juga boleh dirujuk di portal ini.
- 6.3. Maklumat aktiviti dan program melibatkan GLC, swasta dan NGO turut akan dimasukkan ke dalam kalendar acara. Kerjasama strategik ini merupakan komponen penting dalam menjayakan sambutan HKHM. Ia menunjukkan bahawa semangat patriotisme bukan hanya tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi turut dipikul bersama oleh semua lapisan masyarakat dan sektor.
- 6.4. Inisiatif Portal Merdeka360 ini sangat berguna sebagai promosi awal dan menyeluruh, selain daripada memudahkan orang ramai merancang kehadiran atau penyertaan lebih awal berdasarkan maklumat terkini di kalendar. Maklumat dalam Portal Merdeka360 juga boleh dijadikan sebagai rujukan pengguna terutama bagi golongan pelajar universiti dan murid sekolah, di mana terdapat maklumat berkaitan tokoh, warisan, mercu tanda dan keistimewaan negara yang diterbitkan di dalam segmen **Infografik Cinta Malaysia**. Ia juga dapat membangkitkan rasa cinta negara di kalangan rakyat melalui nilai-nilai yang dicapai sejak kemerdekaan.
- 6.5. Orang ramai juga boleh **memuat turun maklumat berkaitan Logo HKHM2025, Lagu HKHM2025, Koleksi Lagu-lagu Patriotik, Garis Panduan Jalur Gemilang** serta lain-lain maklumat penting berkaitan HKHM yang akan dimuat naik daripada semasa ke semasa.

7. SALURAN RASMI PROMOSI DAN PUBLISITI HKHM2025



<http://merdeka360.my>



twitter.com/Merdeka360



[instagram.com/Merdeka360](https://www.instagram.com/Merdeka360)



[facebook.com/Merdeka360](https://www.facebook.com/Merdeka360)



[tiktok.com/Merdeka360](https://www.tiktok.com/Merdeka360)

**Disediakan oleh:
Jabatan Penerangan Malaysia**